

TECHNO FEST

'*Techno Fest*' merupakan satu program yang diadakan bertujuan untuk memperkenalkan produk atau perniagaan milik usahawan bumiputera khususnya di kalangan usahawan yang dilahirkan menerusi kemahiran latihan di GIATMARA. Program ini juga turut memberi peluang untuk memperkenalkan program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh organisasi dan rakan strategik GIATMARA yang lain. Program ini juga sebagai salah satu inisiatif pihak GIATMARA dalam usaha untuk mempromosikan perkhidmatan / produk perniagaan dari usahawan tempatan.

Objektif utama pelaksanaan *Techno Fest*' 2016 ini adalah menjadikan program ini sebagai ruang untuk usahawan bumiputera mempromosikan perkhidmatan / produk perniagaan mereka di samping menggunakan peluang ini untuk memperkenalkan program-program keusahawanan di bawah GIATMARA sejak 30 tahun penubuhannya. Program ini juga berorientasikan pendedahan tentang ilmu dalam bidang perniagaan secara praktikal dan sekaligus menjadi medan kepada usahawan sedia ada untuk menjalinkan jaringan perniagaan.

Terdiri di kalangan usahawan-usahawan yang menceburi bidang perniagaan berbentuk teknikal dan kemahiran tertentu seperti bidang jahitan, reka bentuk grafik, multimedia, kulinari, seni pembuatan, seni kimpalan dan lain – lain

Program ini mengumpulkan usahawan teknikal untuk mempromosikan semua hasil produk / perkhidmatan yang ada dalam perniagaan untuk diperkenal dan diketengahkan. Dengan adanya program ini, para usahawan dapat bertukar pendapat sesama usahawan dalam memperbaiki model perniagaan yang sedia ada.

Mobilepreneur

Mobilepreneur ialah salah satu program di bawah kendalian Giatmara di mana program ini difokuskan kepada usahawan – usahawan yang menggunakan kenderaan sebagai kedai atau modus operandi dalam menjalankan perniagaan mereka dan mereka menjalankan perniagaan sepenuhnya secara bergerak. Contoh terdekat adalah seperti “*Food Truck*”, pembikinan kunci bergerak, servis kenderaan dan lain – lain. MobilePreneur ini juga merupakan salah satu *trend* perniagaan yang sedang meningkat naik selari dengan keperluan masa kini. Ia juga antara yang menjadi perhatian pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) malah sudahpun menjadi program terbaik KKLW dalam Program Peningkatan Pendapatan (PPP) golongan B40 pada tahun 2015

Objektif utama *Techno Fest* ini juga adalah untuk mengumpulkan usahawan bergerak di seluruh Malaysia dan mengadakan *foodtruck parade* dan *carboot sales* dengan meletakkan mereka setempat di satu ruangan terpilih dan cuba untuk mencipta rekod untuk program ini. Di samping itu, Program MobilePreneur ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan memperkenalkan kepada pengunjung mengenai konsep Mobilepreneur / usahawan bergerak yang wujud di Malaysia. Maklumat tentang pembiayaan untuk tujuan perniagaan ini juga akan disalurkan melalui program ini sebagai bonus untuk bakal usahawan yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang ini.